



**BALAI SENI NEGARA**  
**2, Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak,**  
**53200 Kuala Lumpur.**  
Tel : 03-40267000 Fax : 03-40244998  
pr.artgallery@1govuc.gov.my  
[www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI & BUDAYA MALAYSIA

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

## **BALAI SENI NEGARA DITUTUP SEMENTARA UNTUK PROJEK RENOVASI BERSKALA BESAR**

**31 Julai 2020, Kuala Lumpur** – Balai Seni Negara yang telah dibina di lokasi baharu di Jalan Tun Razak kini telah menjangkau usia hampir 20 tahun. Susulan daripada itu, sebuah projek renovasi berskala besar bagi menggantikan Bumbung dan Sistem Penghawa Dingin Berpusat di Galeri utama Balai Seni Negara akan dibuat berdasarkan saranan oleh Jabatan Kerja Raya dengan mengambil kira keselamatan karya dan keselamatan pelawat galeri.

Projek Renovasi ini juga akan dilakukan dalam tempoh setahun dijangka bermula dari bulan Ogos 2020 sehingga Oktober 2021 dimana mengambil kira pertimbangan kesan pandemik Covid-19 dimana jumlah kehadiran pengunjung yang berkurangan. Justeru projek renovasi ini dapat memberikan imej baharu kepada Balai Seni Negara apabila dibuka semula kepada orang ramai.

Walaupun bangunan Galeri Utama ditutup, Balai Seni Negara tetap meneruskan program dan aktiviti pameran di Balai Seni Negara Cawangan Langkawi serta beberapa lokasi kerjasama yang lain di seluruh negara.

Menurut Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara “Projek renovasi ini dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah kebocoran dan serapan air pada bangunan untuk memastikan Koleksi Seni Negara dan bahan pameran sentiasa kekal dalam kesesuaian suhu dan persekitaran yang selamat dengan pemantauan dari Jabatan Kerja Raya yang melibatkan penutupan Galeri Utama selama setahun ” katanya ketika ditanya mengenai keputusan penutupan ini.

Untuk makluman, penutupan juga melibatkan kerja-kerja menaik taraf Kafe Galeri, Kedai Galeri dan juga Galeri Himpunan tetap.

“Namun begitu, penganjuran program seni akan terus dipergiatkan bersama-sama orang ramai dan penggiat seni, dengan menumpukan kepada program *'recovery plan'* yang bersesuaian seperti program pasca Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan Covid 19, program *up skilling and re skilling*, residensi dan studio pelukis, program pengalaman seni luar bandar, dengan penglibatan rakan kerjasama serta komuniti setempat diseluruh negara.”  
Tambah beliau lagi.

Orang ramai juga boleh melayari gogallery.my sebuah platform seni visual secara interaktif untuk peminat seni dan penggiat seni visual negara.

Tamat

###

---

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

**National Art Gallery**

**Haniff Ayub**

T: +60172838664

E: [pr.artgallery@1govuc.gov.my](mailto:pr.artgallery@1govuc.gov.my)

[Haniffayub.ukk@gmail.com](mailto:Haniffayub.ukk@gmail.com)

**Annisa Mohamad Noor**

T: +60 10 366 0682

E: [pr.artgallery@1govuc.gog.my](mailto:pr.artgallery@1govuc.gog.my)

[annisa.mohdnoor@gmail.com](mailto:annisa.mohdnoor@gmail.com)

**Unit Komunikasi Korporat  
Balai Seni Negara  
No. 2 Jalan Temerloh Off Jalan Tun Razak  
53200 Kuala Lumpur  
Tel : 03-40267000 Fax : 03-40244998  
[pr.artgallery@1govuc.gov.my](mailto:pr.artgallery@1govuc.gov.my)  
[www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)**